

RISALAH MAKLUMAT PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Maklumat Produk ini memberi anda maklumat asas mengenai Pembiayaan Kemudahan Sewa Beli Korporat & Komersil. Pelanggan lain telah membaca maklumat ini dan mendapati ianya membantu; **anda juga harus membacanya.**



Tarikh:

1

Apakah Pembiayaan Kemudahan Sewa Beli?

Pembiayaan Kemudahan Sewa Beli Korporat & Komersil ini disediakan untuk pembiayaan asset seperti kenderaan, mesin dan peralatan untuk perniagaan yang dikira berdasarkan kadar tetap atau kadar berubah-ubah. Pemilikan kenderaan, mesin dan peralatan tersebut adalah milik pihak Bank sehingga penyelesaian penuh kemudahan ini. Operasi Pembiayaan Kemudahan Sewa Beli Korporat & Komersil ini ditadbir dibawah Akta Sewa Beli 1967 (HPA) jika barangan berkenaan berada dalam Jadual Pertama Akta berkenaan. Tempoh kemudahan ini adalah sehingga maksimum tempoh 5 tahun bagi mesin, peralatan atau kenderaan komersil dan 9 tahun untuk kenderaan penumpang.

2

Ketahui kewajipan anda

Ilustrasi untuk pembiayaan Kemudahan Sewa Beli Korporat & Komersil:

Kadar Tetap

- Jumlah Pembiayaan: **RM 100,000-00**
- Tempoh Pembiayaan : **60 bulan (5 tahun)**
- Kadar Faedah : **3%**, Caj Bertempoh : **RM 15,000-00**
- Ansuran Bulanan **RM 1,917-00** (59 bulan) & ansuran terakhir sebanyak **RM 1,897-00**
- "Step-up"/"Step-down" berdasarkan pembayaran peringkat tetap yang ditawarkan oleh Bank.

Kadar Berubah-ubah

- Jumlah Pembiayaan: **RM 40,000-00**
- Ansuran Bulanan: **RM 800-00**
- Caj Bertempoh: **RM 8,000-00**
- Kadar Faedah: **KPA + Faedah = 6% + 1% = 7%**

Nota: Jumlah yg kena dibayar akan berubah jika Kadar Pembiayaan Asas (KPA) berubah.

Ansuran Prabayar

- Pembayaran pendahuluan yg dibuat pada permulaan tempoh sewaan sebagai jaminan tambahan untuk Bank.

Nota: Terpakai untuk barangan tidak tertakluk Akta Sewa Beli 1967

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami terma utama dalam kontrak sebelum anda menandatangani



Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan sepenuhnya selama --- tahun. Berurusan dengan kami jika anda ingin menyelesaikan pinjaman anda lebih awal.



Hubungi kami segera jika anda tidak mampu membayar. ansuran bulanan anda.

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- Duti Setem: Tanpa Penjamin: RM 10.00
- Duti Setem: Dengan Penjamin: RM 20.00
- Caj eHakmilik: RM 3.24
- Caj Surat Menyurat-Tanpa penjamin: RM 10.80 (termasuk SST)
- Caj Surat Menyurat-Dengan penjamin: RM 21.60 (termasuk SST)
- Duti Setem Ad Valorem: 0.5% daripada jumlah pinjaman (bagi barangan tidak tertakluk Akta Sewa Beli 1967)

Anda berhak untuk mendapatkan rebat terhadap faedah/keuntungan yang tidak diperolehi oleh Maybank untuk penyelesaian awal kemudahan yang berkadar tetap sahaja. Rebate ini adalah pemulangan sebahagian daripada caj terma (faedah/keuntungan) yang dikira mengikut formula yang dinyatakan di dalam Akta Sewa Beli 1967.

Ketahui risiko anda

Apa yang akan berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Kadar Faedah
 - Kadar Tetap** – Tetap untuk keseluruhan tempoh & tidak terjejas oleh perubahan dalam kadar pasaran.
 - Kadar Pembolehubah** – Bergantung pada pergerakan Kadar Pinjaman Asas (KPA). Sebarang kenaikan atau pengurangan ansuran adalah pilihan penyewa.
- Pembayaran ansuran yang tertunggak dan pengambilan semula milikan:

Kenderaan, mesin dan peralatan anda akan diambil semula dan kemudiannya dilupuskan jika anda tidak memenuhi pembayaran balik Pembiayaan Kemudahan Sewa Beli Korporat & Komersil anda. Anda dikehendaki memastikan pembayaran ansuran bulanan anda adalah tepat pada masa, untuk mengelakkan tindakan pengambilan semula milikan barang yang dibiayai tersebut. Lalai secara ansuran dan seterusnya ditarik balik jika anda tidak mengikuti ansuran pembiayaan kemudahan Sewa Beli.
- Tindakan undang-undang juga boleh diambil terhadap anda.
- Maybank berhak menggunakan baki kredit di dalam akaun simpanan/semasa yang dibuka di bank ini bagi melunaskan jumlah ansuran tertunggak

Syarat utama lain

- Anda dikehendaki mengambil perlindungan insuran/takaful yang menyeluruh atas barang yang dibiayai untuk keseluruhan tempoh kemudahan pembiayaan dan anda juga dikehendaki memaklumkan pada pihak Bank tentang pembaharuan insuran/takaful dalam masa 14 hari sebelum keluputan polisi.
- Maklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Jika anda mempunyai sebarang pencarian atau memerlukan bantuan mengenai Pembiayaan Kemudahan Sewa Beli, anda boleh:



Hubungi kami di

03-22972304
03-22972316
03-22972449



E-mel kepada

norfadzilah@maybank.com
norazidah.y@maybank.com
ruzeezal@maybank.com

Layari

maybank2u.com.my

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan memahami tentang apa yang anda tandatangani.

☐

Saya mengakui bahawa Maybank telah memberikan saya salinan RMP ini.

☐

Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RMP ini.

**Pengakuan anda terhadap RMP ini tidak akan menjelaskan hak anda untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian berhubung dengan terma dan syarat*

Nama: _____

Tarikh: _____